

12/02/1997

Usaha menyeluruh atasi kesesakan (HL)

M Thillinadan

BUKIT MERTAJAM, Selasa - Kerajaan Pusat akan menyelaras usaha mengatasi masalah kesesakan lalu lintas di seluruh negara melalui komitmen bersama membabitkan semua kerajaan negeri.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata satu mesyuarat peringkat tinggi disertai semua Menteri Besar, Ketua Menteri dan perancang bandar akan diadakan dalam tempoh sebulan dua lagi untuk menilai masalah kesesakan lalu lintas di seluruh negara dan mencari penyelesaian jangka panjang.

"Kita mesti mencari penyelesaian segera kepada masalah lalu lintas yang dihadapi hampir semua bandar raya dan bandar utama, khususnya pada musim perayaan seperti sekarang.

"Saya sudah membincangkan masalah itu dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan kami bersetuju supaya pengalaman di Kuala Lumpur dijadikan model, khususnya berhubung penyediaan infrastruktur, perancangan dan kaedah kelulusan yang digunakan sekarang.

"Kaedah itu boleh dikongsi bersama dengan bandar raya dan bandar lain di seluruh negara," katanya ketika ditemui di majlis rumah terbuka Aidilfitri di kediamannya di CheroK Tok Kun, di sini hari ini.

Anwar menyifatkan kesesakan yang dialami semua jalan utama dan lebuh raya pada musim perayaan ini sebagai serius dan memerlukan komitmen bersama dan bersepadu semua pihak, termasuk swasta.

Menurutnya, pada masa ini beberapa kerajaan negeri seperti di Pulau Pinang, Perak dan Johor sudah mengambil langkah sendiri untuk mengatasi masalah kesesakan lalu lintas.

"Kita mengarahkan semua kerajaan negeri mengambil langkah proaktif sebelum keadaan menjadi buruk, khususnya dalam usaha menyelaraskan pengangkutan awam.

"Kerajaan mengutamakan pengangkutan awam kerana majoriti rakyat masih bergantung kepadanya, khususnya golongan berpendapatan rendah," katanya.

Anwar berkata, soal peruntukan tambahan bagi infrastruktur khususnya jalan raya tidak timbul kerana jumlah yang diluluskan sebelum ini adalah terlalu besar.

Menurutnya, kesesakan jalan raya tidak boleh diatasi dalam jangka pendek kerana ia memerlukan perancangan yang rapi, pendekatan proaktif untuk mengukur kesesakan, di samping kajian menyeluruh mengenainya.

"Di Kuala Lumpur, masalahnya bukan peruntukan, tetapi pertelagahan berterusan antara agensi kerajaan dengan syarikat swasta serta rundingan yang memakan masa lama," katanya.

Anwar berkata, beliau juga menyedari masalah kesesakan di Pulau Pinang, khususnya di Jambatan Pulau Pinang dan sudah diberi penerangan mengenainya oleh Ketua Menteri, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon.

"Saya mengarahkan kerajaan negeri menyediakan satu cadangan komprehensif untuk mengatasi masalah kesesakan di Pulau Pinang. Kerajaan juga mungkin perlu menyegerakan beberapa projek seperti LRT sebagai langkah awal," katanya.

Ditanya cadangan laluan ketiga menghubungkan Pulau Pinang dan Seberang Prai, katanya, Kerajaan Pusat sedang mengkaji cadangan mengenainya dan jika didapati sesuai, akan meluluskannya seberapa segera yang boleh.

Katanya, Mekar Idaman Bhd sudah mengemukakan kertas cadangan mengenainya, tetapi masih di peringkat awal penilaian.

(END)

